

28/10/1998

Demonstrasi cetus huru-hara

KUALA LUMPUR, Selasa - Demonstrasi jalanan yang diadakan di ibu negara sejak dua bulan lalu bukan perhimpunan secara aman, malah boleh mencetuskan huru-hara, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Tajol Rosli Ghazali.

Menurutnya, peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 menjadi bukti yang perhimpunan didakwa diadakan secara aman, mempunyai rekod buruk dan boleh menjurus kepada kekacauan dan huru-hara.

"Tidak ada perhimpunan aman di negara ini kerana kita perlu ingat walaupun ada demonstrasi secara aman, akan berlaku huru-hara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Media dan Migrasi Buruh Malaysia, di sini hari ini.

Menurutnya, kerajaan tidak sewenang-wenangnya menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dalam menangani masalah semasa dalam negara dan ISA juga bukan hanya untuk mencegah aktiviti subversif komunis.

Katanya, tindakan kerajaan menggunakan ISA ketika Operasi Lalang pada 1987 adalah satu daripada contoh keperluan akta untuk menangani isu keselamatan negara kerana keadaan ketika itu benar-benar tegang.

Tajol Rosli berkata, sehingga kini kerajaan pimpinan Barisan Nasional masih berkuasa dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kekal sebagai Perdana Menteri.

"Kalau ini tak dapat diakui, sesiapa saja yang menjadi kerajaan juga boleh dijatuhkan oleh demonstrasi jalanan. Kalau ini berlaku, sudah tidak ada demokrasi di negara kita," katanya.

(END)